

EKSTRA

- Terpaksa menjalani rawatan akupunktur, bekam, urutan dan fisioterapi selama setahun gara-gara mengalami kecederaan dalaman di pinggul pada tahun 2006.

- Dek kerana terpaksa mengikuti rejim diet yang ditetapkan Majlis Sukan Negara, Fong Ying tidak akan melepaskan peluang menikmati sup herba dan makanan ala Jepun apabila pulang bercuti.

- Jika ada masa lapang, gadis ini lebih suka bermain badminton dan kiub Rubik.

- Mengaku mempelajari selok-belok perakaunan adalah sukar namun beliau sering menggunakan kuasa minda untuk memudahkannya.
- Mengidam untuk melancang ke luar negara tanpa perlu memegang status atlet negara. "Saya rahu bebas berjalan-jalan tanpa perlu berlatih di gim".

Foto
AHMAD NAZIR MOHAMED

Atlet wushu negara, Chai Fong Ying, percaya pada kuasa minda untuk menumpaskan lawan.

Gadis wusyu anggap diri musuh

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN
nor.afzan@kosmo.com.my

MELIHAT liuk lentok tubuh gadis berusia 23 tahun ini melakukan tai chi memang mengasyikkan. Gerakan lembut yang dicipta mengikut alunan muzik tampak begitu harmoni.

Sesekali, lompatan padu dan ketangkasan pemilik tubuh kecil molek ini menghayun pedang pasti memukau pandangan.

Sewaktu *Jurnal* menemuinya baru-baru ini, Chai Fong Ying sedang menjalani latihan intensif sebagai persediaan menghadapi tiga kejohanan besar sehingga hujung tahun ini termasuk Kejohanan Wusyu Dunia di Koahsiung, Taiwan, Julai ini.

Dua lagi ialah Kejohanan Wusyu Dunia di Toronto, Kanada yang dijadualkan pada Oktober ini dan Sukan SEA di Laos, Disember nanti.

Anak jati Batu Berendam, Melaka ini bukan calang-calang orang. Di gelanggang wushu, nama Chai Fong Ying bisa mengerunkan pihak lawan walaupun atlet dari negara China, tempat sukan mempertahankan diri ini berasal.

Muncul sebagai juara dunia sebanyak dua kali iaitu pada Kejohanan Wusyu Dunia 2005 di Hanoi dan Beijing pada 2007, Fong Ying mengakui masih banyak kelemahan yang perlu diatasi terutama dari aspek pergerakan lembut dan tangkas yang mendominasi beberapa rutin dan disiplin dalam permainan wusyu.

PENUNTUT Perakaunan di UPM ini belajar wushu sejak usia empat tahun.



KELUARGA wusyu. Dari kiri: Fong Ying, adiknya Fong Wei, ibu, Teh Mary dan bapanya



